



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**NAFKAH ISTERI: *C*IDDAH DAN *MUT*^CAH
MENGIKUT PROSEDUR ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA; SATU TINJAUAN KES**

MOKHTARUDIN BIN HJ. SHARIFF

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**

MAC 2000

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ku abadikan sekalung ingatan
untuk..... ..ayahanda & bonda
pengorbananmu..... ..jasamu
hanya Allah yang akan membalasnya
do'aku.....
 semoga ayahanda dan bonda
 akan ditempatkan di dalam lannah

anak-anak tersayang
 Mohd Asyraf Hamdi
 Mohd Akram Zaki
 Mohd Najmi Syakir
 Nadiah Hanim
 Raihan Wardah
 Mohd Farid Wajdi
 Mohd Zhofir Nazhif
yang selalu mengharapakan kejayaanku
do'aku.....
 semoga kalian berjaya
 menjejakkan kaki ke menara gading

Istimewa untuk isteri tercinta.....Habibah
yang selalu memberi semangat, galakan dan dorongan
kejayaanku adalah kejayaanmu
syukur kita pada Rabbul Jalil

Lumut
1 Mac 2000

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana permasalahan nafkah isteri dapat di atasi mengikut peraturan nikah cerai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah lama digunakan. Kewujudan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam melaksanakan program penerapan nilai-nilai Islam dalam ATM turut membantu ke arah penyelesaian kes-kes kekeluargaan dalam masyarakat tentera, sekali gus dapat membantu mahkamah syariah negeri-negeri menyelesaikan kes-kes tersebut.

Kajian ini mengandungi empat bab yang telah dihuraikan secara terperinci mengikut bab-bab yang telah dipilih. Dalam bab pertama kajian ini penulis telah memberikan pengertian nafkah secara umum, di samping itu penulis telah menerangkan berkenaan dengan hukum nafkah, dalil-dalil nafkah baik dari sumber asli al-Quran dan al-Sunnah mahupun dari ijmak. Selain daripada itu penulis juga menerangkan sebab-sebab, syarat-syarat, jenis-jenis, kadar nafkah yang mesti diberikan dan juga keadaan atau sebab-sebab yang membatalkan atau menggugurkan hak nafkah.

Seterusnya dalam bab kedua penulis telah memberi pengertian terhadap *‘iddah* dan *mufah* dari segi bahasa dan syarak. Tujuan pengertian ini adalah untuk membezakan antara *‘iddah* dan *mufah* kerana terdapat sesetengah golongan dalam masyarakat mereka menyamakan kedua-dua prinsip tersebut. Melalui bab ini penulis

cuba menerangkan sejauh mana seseorang yang diceraikan itu mempunyai hak terhadap nafkah *‘iddah* dan *muf‘ah*. Pengertian sebegini adalah amat penting dalam membezakan kedua-dua prinsip tersebut kerana ia akan melibatkan pemotongan gaji anggota ATM sekiranya diarahkan sedemikian oleh mahkamah. Pemotongan yang biasa dilaksanakan adalah berhubung dengan kes nafkah sahaja dan bukannya kes yang melibatkan *muf‘ah*. Pembayaran *muf‘ah* dibayar secara tunai oleh mereka yang terlibat.

Seterusnya dalam bab ketiga, penulis membincangkan berhubung dengan prosedur ATM mengenai nafkah *‘iddah* dan *muf‘ah*. Penulis ingin memberi gambaran sejauh mana keberkesanan prosedur yang sedia ada dalam perkhidmatan ATM terhadap anggotanya berhubung dengan kes-kes sedemikian. Di samping itu penulis juga cuba membandingkan prosedur ATM dengan prosedur yang diamalkan dalam enakmen negeri-negeri. Perbincangan ini amat penting kerana sejauh mana peranan yang dimainkan oleh kedua-dua prosedur tersebut dapat menyelesaikan masalah nafkah *‘iddah* dan *muf‘ah* terhadap masyarakat ATM.


Dalam bab keempat penulis cuba meninjau beberapa kes yang berhubung dengan nafkah *‘iddah* dan *muf‘ah* yang telah berlaku di dalam ATM. Tinjauan dilakukan kepada ketiga-tiga perkhidmatan darat, laut dan udara. Tinjauan ini adalah penting untuk mendapat kepastian sama ada kes nafkah *‘iddah* dan *muf‘ah* diberi perhatian sewajarnya oleh pejabat agama ATM. Di samping itu ai dapat menunjukkan sejauh mana kes-kes yang diputuskan itu mengikut prosedur yang telah ditetapkan melalui peraturan nikah, cerai dan rujuk ATM.

Bab terakhir penulis membuat rumusan dan saranan terhadap perkara yang telah dibincangkan melalui bab-bab yang terdahulu. Rumusan dan saranan yang dikemukakan itu diharap mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya demi kesejahteraan dan kebaikan semua pihak dalam menyelesaikan isu nafkah *‘iddah* dan *muf’ah* dalam ATM. Usaha yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan prosedur ATM dan memberi penjelasan terhadap perkara yang harus dibuat demi kecemerlangan institusi kekeluargaan di dalam ATM.

PENGAKUAN

SAYA AKUI KARYA INI ADALAH HASIL KERJA SAYA SENDIRI KECUALI
NUKILAN-NUKILAN DAN RINGKASAN-RINGKASAN YANG TIAP-TIAP
SATUNYA TELAH SAYA JELASKAN SUMBERNYA

20hb. Mac 2000


(-----)
(MOKHTARUDIN BIN HJ. SHARFF)

PENGHARGAAN

Bismillāh al-Rahmān al-Rahīm. Al-Ḥamdu lillāh Rabbi al-‘Ālamīn. Wa al-Ṣalātu wa al-Salāmu ‘alā Rasūlillāh wa ‘alā Ālihi wa Ṣaḥbihi ajma‘īn.

Al-Ḥamdu lillāh, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, taufik dan hidayahnya dapat saya hasilkan kajian ini dengan sebaik mungkin.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia kajian saya, Dr. Nik Ahmad Kamal bin Nik Mahmod yang banyak memberi bimbingan, pandangan, tunjuk ajar dan teguran yang membina sehingga terhasilnya kajian ini. Tidak lupa juga kepada Dr Ismail bin Abu Hassan yang banyak memberi teguran dalam menghasilkan kajian ini.

Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat semua pensyarah di Kulliyah Undang-Undang yang selama ini telah mencurahkan segala ilmu dan bakti sepanjang pengajian saya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1997 – 1998). Semoga Allah memberkati segala jasa dan pengorbanan kalian.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan rakan-rakan sepejabat yang memberi dorongan dan harapan seterusnya kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Sekalung ingatan untuk isteri tercinta dan anak-anak tersayang yang sanggup berkorban, berkongsi kasih dan sayang. Pengorbanan kalian memberikan semangat untuk bapamu terus berjuang dan berjaya dalam mengejar ilmu serta terima kasih kerana memahami tugas ini.

Wassalam.

*Mokhtarudin bin Hj. Shariff
Pejabat Agama KD Pelandok,
Pangkalan TLDM Lumut,
32100 LUMUT
Perak Darul Ridzuan*

*Banglo 47,
Pangkalan TLDM Lumut,
32100 LUMUT,
Perak Darul Ridzuan.*

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
KAEDAH TRANSLITERASI	x
SINGKAT KATA	xi
SENARAI STATUT	xiii
BAB I	
NAFKAH ISTERI MENURUT SYARIAT ISLAM	1
Definasi nafkah	1
Nafkah mengikut bahasa.	1
Nafkah menurut istilah syarak	2
Hukum dan dalil nafkah isteri	5
Syarat-syarat nafkah isteri	10
Imam Malik membahagikan syarat-syarat nafkah isteri kepada dua	11
Syarat sebelum berlakunya persetujuan	11
Syarat selepas berlakunya persetujuan	11
Masalah isteri yang belum baligh	12
Pembahagian isteri kecil menurut Imam Hanafi	12
Jenis-jenis nafkah isteri	14
1. Makanan.	14
2. Pakaian.	16
3. Tempat tinggal.	16

	4. Orang Gaji.	17
	Kadar nafkah isteri	18
	Pembatalan nafkah isteri	20
BAB II	<i>‘</i> IDDAAH DAN <i>MUT‘</i> AH MENGIKUT SYARAK	25
	Pengertian <i>‘</i> iddah	25
	Pengertian <i>mut‘</i> ah	27
	Kesimpulan	32
BAB III	PROSEDUR ATM MENGENAI NAFKAH <i>‘</i> IDDAAH DAN <i>MUT‘</i> AH	33
	Pendahuluan	33
	Nafkah <i>‘</i> iddah	37
	<i>Mut‘</i> ah	37
	Kes-kes anggota tentera dipanjangkan ke mahkamah syariah.	38
	Perbandingan prosedur ATM dengan bidang kuasa mahkamah syariah	39
	Kuasa mahkamah memerintahkan nafkah bagi isteri dan efek nusyuz.	41
	Kuasa mahkamah memerintah bagi seseorang tertentu.	41
	Pentaksiran nafkah.	42
	Kuasa mahkamah untuk memerintahkan cagaran diberi bagi nafkah.	42
	Mengkompauan nafkah.	43
	Lamanya tempuh perintah nafkah.	43
	Hak terhadap nafkah atau pemberian selepas bercerai	44
	Kuasa mahkamah untuk mengubah perintah nafkah	44
	Kuasa mahkamah untuk mengubah perjanjian nafkah.	45

	Nafkah yang kena dibayar di bawah perintah mahkamah tidak boleh dipindahkan hak miliknya.	45
	Menuntut tunggakan nafkah.	45
	Nafkah sementara.	46
	Hak tempat tinggal.	47
	Kesimpulan.	48
BAB IV	TINJAUAN KES-KES DALAM ATM	49
	Pendahuluan	49
	Tentera Darat	49
	Tentera Laut	53
	Tentera Udara	58
	Kesimpulan	62
BAB V	RUMUSAN DAN SARANAN	64
	Pendahuluan	64
	Rumusan	65
	Saranan	66
	PENUTUP	69
	BIBLIOGRAFI	
	LAMPIRAN	

TRANSLITERATIONS

Letters of the Alphabet

ا	a	ص	ḍ
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sh	ه, ة	h
ص	ṣ	ء	’
		ي	y

Vowels and Diphthongs

اَ	a	آ	ā	أَيّ	á
إِ	i	إِيّ	ī	أَوّ	aw
أُ	u	أُوّ	ū	أَيّ	ay

SINGKAT KATA

ATM	:	Angkatan Tentera Malaysia
Bhg.	:	Bahagian
Bil.	:	Bilangan
Bt.	:	Binti
Cet.	:	Cetakan
Dr.	:	Doktor
Hal.	:	Halaman
Hb.	:	Haribulan
Hj.	:	Haji
Jil.	:	Jilid
Juz.	:	Juzuk
KAGAT	:	Kor Agama Angkatan Tentera
KEMENTAH	:	Kementerian Pertahanan
KTLD	:	Kolej Tentera Laut DiRaja
LK 1	:	Laskar Kanan Kelas 1
LK	:	Laskar Kanan
LUK	:	Laskar Udara Kanan
Lwn	:	Lawan
MAT	:	Majlis Angkatan Tentera
Mahkamah	:	Mahkamah Syariah
Pbt	:	Prebet
PMAT	:	Perintah Majlis Angkatan Tentera
PW II	:	Pegawai Wren 2

R.A.	:	Radiyallahu Anh/Anha/Anhum
S.A.W.	:	Sallallahu Alaihi wa Sallam
S.W.T.	:	Subhanahu wa Ta ala
Sek.	:	Seksyen
SSjn	:	Staf Sarjan
TDM	:	Tentera Darat Malaysia
TLDM	:	Tentera Laut DiRaja Malaysia
TUDM	:	Tentera Udara DiRaja Malaysia
UKIPK	:	Undang-undang Keluarga Islam Perak
YAB	:	Yang Amat Berhormat

STATUT

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, (Akta 303).

Perintah Majlis Angkatan Tentera, Bil. 9,(1991), Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Jurnal Hukum, Jld. VI, Bhg II, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1989.

Peraturan dan Arahan Nikah Cerai dan Rujuk dan Ehwal Agama, Angkatan Tentera Malaysia, 1981, Bahagian Jawatan Anggota, Kementerian Pertahanan (Cawangan Agama).

BAB PERTAMA

NAFKAH ISTERI MENURUT SYARIAT ISLAM

BAB PERTAMA

NAFKAH ISTERI MENURUT SYARIAT ISLAM

Definisi Nafkah

Sebelum perbincangan mengenai nafkah isteri dengan lebih lanjut lagi adalah lebih baik diberikan pengertian nafkah mengikut bahasa dan istilah syarak.

Nafkah Mengikut Bahasa

Perkataan nafkah adalah berasal dari bahasa Arab iaitu “*al-nafakah*” (النفقة). Ia adalah ambilan dari perkataan “*Nufuq*” (نفوق) yang bermakna binasa atau hilang.¹

Mengikut Imam Hanafi, nafkah di segi bahasa ialah apa yang diberi oleh seseorang kepada seseorang yang lain yang berada di bawah tanggungannya. Perkataan

¹Abd al-Rahmān al-Jaza'iri, *Al-Fiqh 'Alā al-Madhāhib al-Arbā'ah*, Juz. 4, (Miṣr: Al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1970), hal. 553.

nafkah itu berasal daripada *isim mustaq* (مستق) iaitu “*Nufuq*” (نفوق) yang bererti kerosakan atau binasa atau dari perkataan “*Nifaq*” (نفاق) yang bererti perkahwinan.²

Imam Shāfi^cī pula mengatakan perkataan nafkah ini diertikan sebagai sesuatu yang dibelanjakan terhadap orang lain atau binatang ternakan. Oleh itu perbelanjaan itu akan habis atau hilang dari milik tuannya.³

Nafkah Menurut Istilah Syarak

Terdapat banyak pandangan atau pendapat ahli-ahli fekah yang memberi pengertian nafkah mengikut istilah syarak. Perbezaan pengertian ini dapat diperhatikan dari pendapat-pendapat mereka.

Mengikut Zakiyyuddin Sha^cbān, nafkah ialah segala pemberian seseorang kepada orang lain yang berupa wang, barang-barang, makanan, pakaian dan tempat tinggal.⁴

²Muhammad Amin ibn ^cĀbidin, *Hāsyiah Radd al-Mukhtar*, Juz 3, (Miṣr: Matba^cah Mustafā al-Bābi al-Halabi, 1966), hal. 571 – 572.

³Abdullah bin Hijāzi, *Hāsyiah al-Sarqawi*, Jil. 2, (Miṣr: Matba^cah Mustafā al-Bābi al-Halabi, 1941), hal. 345.

⁴Zakiyyuddin Sha^cbān, *Al-Ahkām al-Syar^cīyyah Li Al-Ahwāl al-Syakhsīyyah*, Cet. 1, (Miṣr: 1971), hal. 309.

Imam Hanbali mentakrifkan nafkah ialah memberi sekadar yang mencukupi kepada tanggungannya sama ada dari roti, lauk pauk dan juga pakaian.⁵

Dimaksudkan dengan nafkah juga ialah membelanjakan hartanya kepada orang-orang yang diwajibkan ke atasnya seperti kepada isteri-isteri, anak-anak, ibu bapa dan juga khadam. Suami hendaklah menyediakan tempat tinggal dan juga keperluan-keperluan lain.⁶

Imam Hanafi mengatakan bahawa nafkah ialah memberi dan mengeluarkan makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada yang berhak, walaupun pada kebiasaannya hanya diberikan makanan sahaja. Pemberian itu merupakan suatu benda yang bersifat kekal.⁷

Mazhab Maliki berpendapat nafkah yang diberikan itu adalah terdiri daripada makanan iaitu apa yang dimakan seperti roti dan makanan yang biasa dimakan di sesebuah negeri seperti di Sudan gandum merupakan makanan asasi dan makanan itu pula boleh mengenyangkan.⁸ Bagi masyarakat di Malaysia, sudah tentu beras merupakan makanan asasi dan boleh mengenyangkan.

⁵Mansur Ibn Yunus Ibn Idris al-Buhuti, *Kasyaful Qina' Matnil Iqna'*, Juz. 5 (Misr: Maktabah al-Nasr al-Hadithah, tanpa tarikh), hal. 459.

⁶*Hāsyiah al-Sarqawi*, Jil. 2, *Supra*, nota 3, hal. 360.

⁷*Hāsyiah Radd al-Mukhtar*, Juz. 3, *Supra*, nota 2, hal. 572.

⁸Alamah Abi al-Barakāt Ahmad bin Muḥammad bin Ahmad al-Dardir, *Al-Syarḥ al-Ṣaghir*, Juz. 2, (Misr: Dar al-Ma'ārif, tanpa tarikh), hal. 731 – 739.

Imam Shāfi'ī pula mentakrifkan bahawa diberikan makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada isteri kerana dia berada di bawah tanggungan suami dan kadar makanan yang diberikan itu mestilah mencukupi. Di samping isteri, suami juga wajib memberikan nafkah kepada hamba dan kerabat iaitu anak dan keturunan kedua-duanya, juga kepada kedua ibu dan bapa serta kerabat ke atas walaupun mereka ini berada di dalam agama yang berlainan.⁹

Imam Hanbali membezakan nafkah isteri dengan nafkah-nafkah yang lain. Takrif yang dikemukakan oleh beliau ialah nafkah adalah harta kekayaan yang diberikan kepada isteri, ini termasuk menunaikan semua kehendak isteri sama ada dari pemberian makanan dan minuman mahupun pakaian dan tempat tinggal.¹⁰ Dalam kitab *al-Fatāwa al-Kubrā*, Imam Hanbali mengatakan bahawa nafkah yang diberikan itu ialah makanan dan pakaian sahaja. Ini berdasarkan kepada maksud hadis Rasulullah S.A.W di mana hak perempuan atas suaminya ialah memberi makanan apa yang engkau makan dan memberi pakaian apa yang engkau pakai.¹¹

Berdasarkan pengertian yang diberikan baik dari segi bahasa mahupun dari segi istilah syarak, apa yang dimaksudkan dengan nafkah ialah pemberian seseorang kepada seseorang yang lain yang berada di bawah tanggungannya. Pemberian itu merangkumi

⁹*Hāsyiah al-Syarqawi*, Jil. 2, *Supra*, nota 3, hal. 572.

¹⁰Muḥamad 'Abdullah bin Aḥmad bin Muḥamad bin Qudamah, *Al-Mughni*, Juz. 9, (Qahirah: Matba'ah al-Fajjalah al-Jadidah, 1969) hal. 195.

¹¹Taqiyuddin Aḥmad bin 'Abdul Ḥalim Ibn Taimiyyah, *Al-Fatāwa al-Kubrā*, (Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah : 1966), hal. 590.

makanan, pakaian, minuman, tempat tinggal dan khadam atau pembantu rumah seperti yang dikemukakan oleh fuqaha' dari imam-imam yang empat iaitu Imam Shāfi'ī, Imam Maliki, Imam Hanafi dan Imam Hanbali.

Tegasnya, suatu pemberian yang memberi kebaikan kepada penerimanya adalah dapat diterima sebagai nafkah dalam ertikata barangan yang diberikan itu menyerupai faedah dan penerimanya mendapat manfaat daripadanya. Islam menolak pemberian yang mengundang kerosakan kepada penerimanya kerana penerimanya tidak mendapat manfaat.

Hukum Dan Dalil Nafkah Isteri

Kewajipan memberi nafkah kepada isteri adalah berdasarkan firman Allah.¹²

وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعروف

Maksudnya:

“Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada ibu dengan cara makruf”

Imam Hanbali berpendapat bahawa hukum memberi nafkah kepada isteri adalah suatu kewajipan ke atas suami apabila isteri itu cukup umur, dan kewajipan ini hanya

¹²Surah al-Baqarah 2 : 233

akan gugur apabila isteri mereka menderhaka kepada suami. Kewajipan ini mesti ditunaikan kerana isteri mereka dikurung di dalam rumah dan mereka ditegah daripada bekerja dan berusaha, maka dalam konteks ini wajiblah ke atas suami memberikan nafkah kepadanya.¹³

Mengikut Imam Shāfi'ī suami diwajibkan memberi nafkah kepada isteri mereka berdasarkan ayat yang disebutkan tadi di mana Allah S.W.T memerintahkan suami supaya memberi makanan dan pakaian yang diperlukannya, memberi ubat jika dia sakit dan suami tidak menyakiti isteri. Jika sekiranya perkara-perkara tersebut tidak dilakukan ianya merupakan suatu kezaliman.¹⁴

Menurut Imam Malik, nafkah akan menjadi wajib kepada suami apabila ia telah menggauli atau menyetubuhi atau mengajak untuk disetubuhinya, sedangkan isteri termasuk orang yang boleh disetubuhi dan suaminya sudah dewasa.¹⁵ Imam Abu Hanifah pula mengatakan bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isterinya jika isteri itu dewasa walaupun suami belum lagi dewasa.¹⁶

¹³Al-Mughni, Juz 9, *Supra*, nota 10, hal. 381

¹⁴Abi 'Abdullah bin Idris al-Shāfi'ī, *al-Umm*, Juz 5, (tanpa tempat dan tarikh), hal. 77.

¹⁵Abi al-Walid Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rushd al-Qurtubi, *Bidāyatu al-Mujtahid*, Juz. 2, (Misr: Mustafā al-Bābi al-Halabi 1950), hal. 54.

¹⁶*Ibid.*

Di dalam hadis ada menerangkan tentang pihak suami wajib memberi nafkah kepada isterinya berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud:¹⁷

“Daripada Jabir R.A bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda: Bertakwalah kepada Allah tentang perempuan kerana mereka sebagai taulan kamu, kamu mengambil berdasarkan amanah Allah. Dan kamu menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah dan wajiblah di atas kamu memberi nafkah berupa makanan dan pakaian dengan cara yang baik”

Bagi perempuan yang diceraikan dengan talak satu atau talak dua ataupun talak raji'e sedangkan waktu itu dia hamil, maka wajib bagi suaminya memberi nafkah kepadanya sehinggalah dia melahirkan anak.

Ini berdasarkan firman Allah.¹⁸

اسكنواهن من حيث سكنتم من وجدكم ولا تضارهن لتضيقوا عليهن وان
كن اولات حمل فانفقوا عليهن حتى يطقن حملهن

Maksudnya:

“Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuan dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka bersalin”.

¹⁷Muhammad bin Ismā'il al-Kahlāni, *Subul al-Salām*, Juz. 3, (Misr: Mustafā al-Bābi al-Halabi, tanpa tarikh), hal. 221.

¹⁸Surah al-Talāq 28 : 6